

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2016

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) langkah menggalakkan produk dan permintaan patuh syariah diperkembangkan oleh institusi- institusi perbankan tempatan dan antarabangsa; dan
- (b) apakah usaha mengurangkan perbezaan kos antara konsep konvensional dan patuh syariah agar prospek ekonomi berteraskan islam terus mengukuh dan malaysia mampu menjadi hub ekonomi islam serantau.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Usaha yang berterusan telah diambil oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk meningkatkan keupayaan institusi-institusi perbankan Islam di Malaysia bagi penawaran pelbagai produk kewangan Islam di negara ini sejak pengenalan lebih 30 tahun yang lalu. Industri ini telah berkembang pesat dan kini menawarkan lebih 100 jenis produk perbankan Islam yang dapat memenuhi pelbagai keperluan pelanggan.

Melangkah ke hadapan, pembangunan dan pengeluaran standard Syariah dan operasi untuk 12 kontrak Syariah akan memberi panduan kepada bank-bank Islam dalam membangunkan pelbagai produk patuh Syariah yang merangkumi produk berasaskan kontrak jual dan beli, produk berasaskan ekuiti yang mempunyai elemen perkongsian keuntungan dan kerugian serta produk berasaskan sewaan. Setakat ini,

standard untuk lima kontrak telah dikeluarkan dan standard untuk tujuh kontrak lagi akan dikeluarkan pada akhir tahun ini.

Pengenalan kontrak-kontrak ini bertepatan dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) yang telah mengklasifikasi semula deposit kepada akaun pelaburan di samping memperluaskan peranan bank-bank Islam termasuklah pengantaraan pelaburan. Sebagai produk terkini untuk bank-bank Islam, ia akan menjana sumber pendanaan baru serta membuka peluang kepada bank-bank Islam untuk menyalurkan dana dengan lebih cekap dan produktif. Pelancaran Platform Akaun Pelaburan (*Investment Account Platform*) pada 17 Februari 2016 baru-baru ini telah menyediakan platform untuk penawaran akaun pelaburan secara efektif dari segi kos dan mampu menyokong pelabur memahami risiko yang bakal dihadapi sebelum melakukan pelaburan.

(b) Kewangan Islam kini menjadi pengantaraan kewangan dan pelaburan yang kompetitif dan mampu memenuhi keperluan pengguna yang berbeza. Sistem kewangan Islam mempunyai ciri-ciri keberkesanan, daya tahan dan daya saing industri untuk bersaing secara sihat dengan

sistem kewangan konvensional dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Salah satu usaha untuk memastikan kewangan Islam sentiasa kompetitif ialah melalui pengurangan perbezaan kos di antara operasi kewangan Islam dan operasi kewangan konvensional. Langkah-langkah untuk tujuan ini termasuklah :

- i. Pembangunan infrastruktur kewangan Islam yang lebih kondusif yang sentiasa dinaik taraf untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi kewangan Islam yang selanjutnya akan mengurangkan kos urus niaga kewangan;
- ii. Inovasi dalam bentuk penerapan teknologi terkini yang akan meningkatkan potensi institusi kewangan Islam untuk menawarkan produk dan perkhidmatan baru termasuklah yang berpotensi bagi meningkatkan akses pengguna kepada produk kewangan melalui pelbagai jenis saluran penghantaran baru; dan
- iii. Pengeluaran Garis Panduan Ibra' oleh BNM pada tahun 2011 yang menetapkan keperluan institusi perbankan Islam untuk memberi ibra' atau rebat kepada pelanggan yang berhasrat untuk membuat bayaran balik awal, penstrukturan semula, kes-kes kemungkiran dan

penamatan kontrak untuk pelanggan yang layak. Bagi pembiayaan harta kediaman secara Islam, Kerajaan telah memberi pengecualian duti setem sebanyak 20 peratus (20%) kepada pembeli bagi mengurangkan kos pembiayaan rumah pembeli.